

PENDAHULUAN

Tabung Khairat Kemalangan dan Kematian Pelajar Universiti Teknologi Malaysia telah dimulakan pada tahun 1979. Ia dikendalikan bersama dengan Pejabat Bendahari yang berperanan sebagai pusat pembayaran tuntutan.

TUJUAN

Tabung ini bertujuan untuk :-

- Membantu pelajar yang ditimpa kemalangan samada kemalangan jalanraya atau kemalangan semasa bersukan.
- Memberikan bantuan segera kepada pelajar atau waris jika berlaku kemalangan atau kematian.

SUMBER KEWANGAN

Tabung ini memperolehi sumber kewangannya melalui potongan yuran daripada semua pelajar Universiti sebanyak RM 2.00 seorang bagi setiap sesi pengajian serta derma dari orang perseorangan.

CARA MEMOHON

Pelajar yang ingin membuat permohonan dari tabung ini hendaklah mengisi borang permohonan yang boleh diperolehi dari Pejabat

Hal Ehwal Pelajar (HEP) atau Pejabat Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan dikemukakan kembali bersama dokumen yang berkaitan kepada Pejabat HEP untuk tindakan selanjutnya.

BENTUK BANTUAN

Bantuan yang diberikan adalah meliputi tempoh semasa pengajian ataupun semasa cuti semester dengan syarat bayaran yuran telah dijelaskan pada sesi yang berkenaan. Sumbangan yang diberi adalah seperti berikut :

A) KEMATIAN

(i) Kematian Pelajar

- Waris pelajar akan diberikan wang pendahuluan sebanyak RM500.00 bagi urusan pengurusan jenazah.
- Pengurusan jenazah akan diuruskan oleh pihak Universiti sekiranya pelajar meninggal dunia di luar kawasan kediaman tetapnya. Pengurusan ini meliputi :-
 - Urusan pengurusan jenazah termasuk kafan, mandi dan sebagainya (bagi pelajar Islam).
 - Keranda - maksima RM250.00 (bagi pelajar bukan Islam).
 - Penghantaran jenazah balik ke kampungnya termasuk perkhidmatan kargo bagi pelajar yang berasal dari Malaysia Timur.

(ii) Pelajar Kematian Ibu/Bapa/Suami/Isteri/Anak

- Sumbangan akan diberikan sebanyak RM100.00; atau
- (Sekiranya kematian berlaku serentak, sumbangan akan diberikan sebanyak RM 100.00 setiap seorang; atau
- (Dalam keadaan pelajar perlu balik segera untuk melihat jenazah, pelajar akan hanya diberi tambang kapal terbang kelas ekonomi sehala dan tambang bas ekspres bila balik semula ke kampus (kes pelajar di Semenanjung Malaysia).
- (Bagi kes pelajar dari Malaysia Timur, pelajar akan diberi tambang kapal terbang kelas ekonomi pergi dan balik.
- (Pelajar perlu mengemukakan tiket kapal terbang dan 'boarding pass' yang asal ke Pejabat Hal Ehwal Pelajar apabila telah kembali semula ke kampus.
- (Bagi pelajar yang telah mendahulukan wang mereka bagi urusan perjalanan balik semasa kematian ibu/bapa/suami/isteri/anak bolehlah

B) KECEDERAAN PELAJAR

(i) Kecelakaan Akibat Bersukan

- ☑ Terseliuh dan urut tradisional
 - Sumbangan maksima RM 50.00
- ☑ Kecelakaan ringan, perlu rawatan di Hospital Kerajaan
 - Kadar sumbangan di antara RM 50.00 hingga RM 90.00
- ☑ Kecelakaan berat sehingga menyebabkan patah anggota
 - Kadar sumbangan RM 100.00 hingga RM 200.00
(Sumbangan ini juga akan mengambil kira kategori penglibatan pelajar)

(ii) Kecelakaan Akibat Kemalangan Jalanraya

- ☑ Kadar sumbangan maksima sehingga RM 200.00.
(Bergantung kepada tahap kecederaan)
- ☑ Bayaran perubatan di Hospital Kerajaan akan ditanggung oleh Universiti.

C) LAIN-LAIN KES

- ☑ Bagi lain-lain kes seperti kebakaran, bencana alam dan sebagainya, kadar sumbangan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Tabung mengikut kes tertakluk kepada sumbangan minimum di antara RM 30.00 dan maksimum RM 500.00.



Untuk maklumat lanjut,
sila hubungi :

Penolong Pendaftar
(Kebajikan & Tatatertib)
Pejabat Hal Ehwal Pelajar,
Universiti Teknologi Malaysia,
81310, UTM Skudai,
Johor
Tel : 07-5530513/5530682
Fax : 07-5579385

* Dikemaskini pada 12 Oktober 2005



Tabung Khairat Kemalangan Dan Kematian Pelajar



Unit Perkhidmatan dan Kemudahan Pejabat Hal Ehwal Pelajar